



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Fail: JPA.(S).600-1/3/32 ( 2 )

Tarikh: 5 Julai 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/  
Puan,

**PENANGGUHAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN  
SUMBER MANUSIA (MYPPSM)**

- i. CERAIAN UP.6.1.2 - KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT – SME*)
- ii. CERAIAN UP.6.1.3 - KEMAJUAN KERJAYA LALUAN SECARA PANTAS (*FAST TRACK*) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) telah memperkenalkan dua (2) kemajuan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam iaitu Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*) di bawah Ceraian UP.6.1.2 dan Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (*Fast Track*) di bawah Ceraian UP.6.1.2.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, JPA sedang melaksanakan kajian semula untuk menambahbaik sistem saraan perkhidmatan awam supaya lebih inklusif dan berdaya saing. Kajian ini turut mengambil kira beberapa aspek penambahbaikan dalam laluan kemajuan kerjaya termasuk Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*) dan Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (*Fast Track*) bagi memenuhi keperluan dan aspirasi Perkhidmatan Awam. Justeru pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan SME di bawah Ceraian UP.6.1.2 dan Kemajuan Kerjaya Laluan Fast Track di bawah Ceraian UP.6.1.3 adalah **ditangguhkan sehingga Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dimuktamadkan**.

4. Dengan penangguhan pelaksanaan dua (2) pekeliling ini, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan boleh meneruskan perancangan pelaksanaan urusan kemajuan kerjaya berdasarkan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

5. Penangguhan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

6. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing. Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)**

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara